



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**18 Januari 2025
18 Rejab 1446H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	• Waspada ubur-ubur di Pantai Terengganu
Berita Harian	•
Harian Metro	• Kedah penyumbang utama ikan susu • Masak kerang dengan sempurna sebelum jamah
Kosmo	• Ubur-ubur beracun pula terdampar di Pantai Sura
Sinar Harian	• Bakteria bahaya ditemukan pada kerang hanyut • Waspada serangan ubur-ubur beracun
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
The Sun	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	/	NEUTRAL		34	18-01-2025

Waspada ubur-ubur di pantai Terengganu

KUALA TERENGGANU: Jabatan Perikanan Negeri Terengganu menasihatkan orang ramai supaya lebih berhati-hati ketika berada di pantai susulan penemuan ratusan ubur-ubur beracun atau *Portuguese Man of War* di beberapa pantai terkenal di negeri ini,

Pengarahnya, Ruzaidi Mamat berkata, setakat ini laporan yang diterima adalah di pantai Beting Lintang, Besut; Rhu 10 di Setiu, Pantai Tok Jembal, Pulau Redang dan Mengabang Telong di Kuala Nerus serta pantai Batu buruk, Kuala Terengganu.

Hidupan itu turut ditemukan di Pantai Sura, Dungun.

“Jangan sentuh ubur-ubur tersebut kerana sengatannya sangat beracun dan boleh mendatangkan kesan kecederaan teruk serta berbahaya.

“Laporkan segera penemuannya kepada Jabatan Perikanan Terengganu dan dapatkan rawatan segera di klinik,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Fakulti Sains dan Sekitaran Marin, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof. Madya Dr. Roswati Md. Amin



SEBAHAGIAN ubur-ubur dipercayai beracun yang terdampar di Pantai Sura, Dungun, Terengganu. - UTUSAN/ NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

berkata, ramai yang tertarik untuk mendekati spesies yang dikategorikan di bawah kumpulan hidroza marin itu kerana warnanya yang cantik iaitu biru lutsinar.

Beliau berkata, hidupan

tersebut mempunyai sel-sel penyengat berbisa terletak di bahagian tentakel yang berfungsi untuk menangkap mangsa sebagai mekanisme pertahanannya.

“Kewujudan hidupan ini banyak direkodkan di lautan

Pasifik, India dan Atlantik yang bergerak mengikut pergerakan arus dan tiupan angin. Kajian menunjukkan kekuatan dan arah tiupan angin memengaruhi kedamparan hidupan ini di pesisir pantai,” katanya.

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	/	NEUTRAL			14	18/1/2025

Ubur-ubur beracun pula terdampar di Pantai Sura

Kosmo, ms14, 18hb

DUNGUN – Empat hari selepas lambakan kerang terdampar di Pantai Sura, di sini, puluhan ubur-ubur beracun dikenali *Portuguese man o' war* pula ditemui di kawasan sama semalam.

Kemunculan hidupan laut atau dipanggil ubur-ubur api itu amat mengejutkan sege-lintir pengunjung yang masih ghairah mengutip kerang di pesisir pantai berkenaan walaupun terdapat larangan daripada pihak berkuasa.

Hidupan laut itu berpotensi menyebabkan kesakitan, kemerahan dan melepuh pada kulit serta sakit kepala, muntah dan kesukaran bernafas sekiranya tersentuh atau dipijak.

Salah seorang pengunjung mahu dikenali sebagai Zarifah terkejut menjumpai banyak ubur-ubur api tersebut kira-kira 500 meter dari gigi air.

"Dari jauh, kita nampak objek seperti gelembung berwarna biru gelap yang cantik di atas pasir.

"Rupa-rupanya ia ubur-ubur api apabila dilihat dekat-dekat. Saya pernah menjumpai hidupan laut sama di Pantai Teluk Bidara, di sini sebelum ini,"

katanya ketika ditemui di sini semalam.

Zarifah yang berasal dari Kampung Sura, di sini berkata, *portuguese man o' war* amat berbahaya kerana bersaiz kecil dan boleh mendatangkan mudarat sekiranya terpijak atau tersentuh.

Seorang lagi pengunjung mahu dikenali sebagai Shah-rul Nizam, 25, pula terpaksa berhati-hati sewaktu mengutip kerang bagi mengelak terkena ubur-ubur api tersebut.

"Saya juga pesan kepada isteri dan adik agar turut berhati-hati, bimbang terpijak ubur-ubur api itu.

"Kalau ikutkan rupanya memang macam ubur-ubur api yang amat berbahaya dan sebelum ini banyak dijumpai di pesisir pantai Marang dan Kuala Nerus setiap kali musim tengkujuh," katanya.

Kosmo! semalam melaporkan, Ketua Polis Daerah Dungun, Superintendan Maizura Abdul Kadir telah mengeluarkan larangan agar orang ramai tidak mendekati pesisir pantai daerah ini termasuk Pantai Sura bagi semua aktiviti atas faktor keselamatan.

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	/	NEUTRAL			27	18/1/2025

Bakteria bahaya ditemukan pada kerang hanyut

KUALA TERENGGANU - Analisis makmal menunjukkan tahap bakteria *Fecal coliform* dan *Escherichia coli* (E.coli) dalam sampel kerang yang terdampar di Pantai Sura di Dungun, baru-baru ini, melebihi tahap piawaian ditetapkan.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Terengganu, Ruzaidi Mamat berkata, orang ramai dinasihatkan supaya memasak kerang dengan sempurna sebelum memakannya.

"Berdasarkan kajian pada 2014 hingga 2021, analisis makmal menunjukkan tahap dua jenis bakteria dalam sampel kerang adalah tinggi.

"Kerang kategori ini diklasifikasikan sebagai Kelas B yang memerlukan pemasakan sempurna sebelum dimakan," katanya dalam

satu kenyataan pada Jumaat.

Ruzaidi berkata, selain itu, kehadiran bakteria *Vibrio parahaemolyticus* yang bersifat meluas dalam persekitaran air laut turut dikesan dalam contoh sampel terdahulu.

"Bagaimanapun, hasil analisis awal terhadap kerang terdampar di Pantai Sura mendapati tiada kehadiran plankton yang menghasilkan biotoksin," katanya.

Sebelum ini, tular rakaman video di media sosial menunjukkan orang ramai mengutip kerang terdampar di pantai.

Kebanyakan mereka terdiri daripada golongan dewasa dan kanak-kanak menggunakan pelbagai cara seperti pukut ikan dan baldi untuk mengumpul hidupan laut itu yang dihanyutkan ombak.



Kerang yang terdampar di Pantai Sura akibat fenomena ombak besar didapati mengandungi bakteria berbahaya.

JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	/		NEUTRAL		27	18-01-2025

Waspada serangan ubur-ubur beracun

Spesies ini banyak ditemukan di Lautan Atlantik dan Lautan Hindi

Oleh NURFARDLINA IZZATI MOKTAR
KUALA TERENGGANU

Orang ramai yang melakukan aktiviti pantai dinasihatkan berwaspada berikutan kemunculan ubur-ubur beracun di beberapa pantai sekitar negeri ini sejak beberapa hari lalu.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Terengganu, Ruzaidi Mamat berkata, hidupan laut dikenali ubur-ubur api atau *Portuguese Man of War* mempunyai sengatan berbisa dan boleh mendatangkan kesan kecederaan teruk serta berbahaya.

"Beberapa hari lalu, kita ada menerima laporan mengenai penemuan ubur-ubur ini di Pantai Benting Lintang, Besut; Pantai Rhu Sepuluh, Setiu; Pantai Tok Jembal, Kuala Nerus dan Pantai Batu Buruk, Kuala Terengganu selain di Pulau Redang.

"Saya menasihatkan pengunjung yang mahu melakukan aktiviti air supaya berhati-hati dengan kehadiran ubur-ubur ini.

"Elakkan menyentuh hidupan ini dan segera melaporkan kepada pihak kami sekiranya menemuinya kerana ia beracun dan sangat berbahaya," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Jumaat.

Beliau berkata, kebiasaannya kejadian penemuan ubur-ubur akan berulang setiap kali berlaku Monsun Timur Laut.

"Spesies ini bukan berasal dari laut sekitar negara ini tetapi banyak ditemukan di Lautan Atlantik dan Lautan Hindi.

"Ia dibawa arus deras ketika musim tengkujuh menyebabkan ubur-ubur ini terdampar di perairan sekitar negeri ini.

"Jika terkena sengatan, segera dapatkan rawatan di klinik selain memaklumkan kepada pihak berkuasa," ujarinya.



Ubur-ubur api mempunyai sengat berbisa dan beracun. - Gambar hiasan



JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL			11	18.1.2025

Kedah penyumbang utama ikan susu

Putrajaya: Pengeluaran ikan susu mencapai 4,203.59 tan metrik dengan nilai jualan borong sebanyak RM37.08 juta tahun lalu.

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) Datuk Adnan Hussain berkata Kedah menjadi penyumbang utama dengan pengeluaran sebanyak 3,700.8 tan metrik diikuti Johor 454.97 tan metrik dan Sabah 46.51 tan metrik.

"Peningkatan dalam nilai pasaran juga mencerminkan potensi ikan susu untuk terus memenuhi permintaan dalam pasaran tempatan dan antarabangsa," katanya, semalam.

Adnan berkata ikan susu terkenal sebagai spesies yang mudah diternak, dengan kos operasi rendah kerana hanya memerlukan makanan berprotein rendah serta tinggi daya tahan penyakit yang menjadikannya pilihan ekonomi berdaya maju untuk penternak tempatan.

Beliau berkata, di Semenanjung Malaysia, Syarikat Usaha Fadzilati (M) Sdn Bhd menjadi antara perintis dalam usaha penternakan ikan susu secara komersial.

"DOF terus menyokong industri ini dengan mempromosikan teknologi penternakan ikan susu yang cekap seperti sistem kolam dan sangkar.

"Dengan kerjasama strategik antara pihak kerajaan dan swasta, pengeluaran ikan susu dijangka terus meningkat, menyumbang kepada kestabilan industri akuakultur dan memperkuat keterjaminan makanan negara," katanya.

Selain menjadi sumber protein untuk manusia,

Adnan berkata ikan susu juga diiktiraf sebagai alternatif bahan makanan ternakan, sekali gus membantu mengurangkan ketergantungan kepada sumber import yang menjadikannya pilihan yang strategik dalam menyokong agenda keterjaminan makanan negara.

Beliau berkata, DOF menyeru rakyat Malaysia memilih ikan susu sebagai sajian harian yang bukan sahaja menyokong industri akuakultur tempatan tetapi juga mengurangkan ketergantungan kepada perikanan tangkapan yang semakin terjejas akibat perubahan iklim dan penurunan sumber marin.

Ikan susu atau nama saintifiknya *Chanos chanos*, merupakan spesies akuakultur yang semakin mendapat perhatian sebagai alternatif sumber ikan berkhasiat di Malaysia.

Dikenali sebagai ikan 'bangus' di Filipina dan 'bandeng' atau 'bolu' di Indonesia, ikan itu bukan sahaja digemari kerana rasanya yang lemak dan lembut, tetapi juga kerana kandungan nutrien yang tinggi.

Ikan susu adalah sumber protein berkualiti tinggi serta kaya dengan Vitamin A, B12, B6, B-Kompleks dan Omega-3 yang menjadikannya pilihan makanan yang baik untuk kesihatan, membantu mengekalkan kekuatan tulang, mengurangkan keradangan, serta menyokong fungsi hati dan buah pinggang.

Selain itu, kandungan 'astaxanthin', yang merupakan antioksidan semula jadi dan protein yang tinggi dalam ikan susu juga memberi manfaat dalam menyokong penurunan berat badan.



IKAN susu semakin mendapat perhatian sebagai alternatif sumber ikan berkhasiat di Malaysia.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	✓	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL	✓	17	18.1.2025

Masak kerang dengan sempurna sebelum jamah

Kuala Lumpur: Jabatan Perikanan Negeri Terengganu meminta orang ramai yang mengutip kerang di Pantai Sura, Dungun memasak makanan laut itu terlebih dahulu dengan sempurna.

Bagaimanapun jabatan itu dalam satu kenyataan berkata, hasil analisis awal fenomena kali ini menunjukkan tiada kehadiran plankton yang menghasilkan biotoksin dikesan dalam sampel air.

“Selain itu analisis bakteria pada kerang sedang dijalankan oleh Makmal Biosekuriti Perikanan Kuantan dan keputusan penuh akan diumumkan dalam masa tiga hari,” menurut jabatan itu, di sini, semalam.

Kelmarin, jabatan itu sudah menjalankan analisis terhadap sampel air dan kerang pada Pesta Kutip Kerang di Pantai Sura, Dungun untuk memastikan keselamatan pengguna.

Ini susulan fenomena yang berulang pada tahun ini.



KERANG yang dikutip penduduk ketika Pesta Kutip Kerang di Pantai Sura, Dungun.

Menurut jabatan itu, kerang itu perlu dimasak sempurna kerana berdasarkan kajian pada tahun-tahun sebelumnya (2014, 2016, 2019, dan 2021), analisis makmal menunjukkan tahap bakteria

Fecal coliform dan Escherichia coli (E coli) dalam sampel kerang melebihi piawaian yang di-

tetapkan.

“Fecal coliform didapati melebihi 300 MPN/100g dan E coli pula melebihi 230 MPN/100g.

“Justeru kerang ini yang diklasifikasikan sebagai Kelas B memerlukan proses memasak dengan sempurna sebelum dimakan.

“Selain itu, kehadiran bakteria Vibrio parahaemolyticus, yang bersifat meluas dalam persekitaran air laut, turut dikesan dalam sampel terdahulu,” menurut jabatan itu.

“Analisis bakteria pada kerang sedang dijalankan Jabatan Perikanan Terengganu”